

ANALISIS KEPELBAGAIAN JENIS LIPUTAN BERITA DALAM BERITA HARIAN DAN SINAR HARIAN

OLEH :

‘AISYA SYAHIRAH BT KAMARAAL DZAMAN

**Satu Disertasi Yang Diserahkan Untuk
Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains Dengan Kepujian**

FEBRUARI 2015

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat juga saya menyiapkan kajian ini sebagaimana yang dirancang walaupun pelbagai rintangan dan dugaan perlu saya tempuhi.

Sekalung budi, seuntai penghargaan dan segunung terima kasih kepada pensyarah dan selaku penyelia saya, iaitu Prof. Ruslan Rainis yang banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, dan sentiasa memberikan sokongan moral kepada saya dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Hanya iringan doa yang mampu saya titipkan agar beliau sentiasa berada di bawah lindungan rahmat-Nya.

Penghargaan ini juga saya tujukan khas kepada semua pensyarah Geografi Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia di atas segala ilmu yang pernah dicurahkan kepada saya. Semoga ilmu yang dicurahkan kepada saya dapat saya gunakan sebaik mungkin pada masa hadapan.

Tidak dilupakan kepada rakan-rakan yang sentiasa berada bersama saya di saat saya suka dan duka sepanjang penulisan disertasi ini. Terima kasih kerana sentiasa memberi semangat serta menyokong sayadari belakang. Akhir sekali kepada semua orang perseorangan yang terbabit dalam penulisan kajian ini secara langsung atau tidak langsung, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan jasa budi kalian amat dihargai.

Sekian, Terima kasih.

‘AISYA SYAHIRAH KAMARAAL DZAMAN
JANUARI 2015

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	17
2.1	Akhbar	
2.1.1	Definisi Akhbar	18
2.1.2	Fungsi Akhbar	21
2.1.3	Sejarah dan Perkembangan Akhbar di Malaysia	23
2.1.4	Latar Belakang Berita Harian	26
2.1.5	Latar Belakang Sinar Harian	32
2.2	Berita	
2.2.1	Definisi Berita	34
2.2.2	Jenis Berita	42
2.2.3	Nilai Berita	43
2.3	Aplikasi GIS dalam Bidang Kewartawanan	45
2.4	Analisis Kepelbagaian	49
2.5	Kesimpulan	54

BAB 3 : KERANGKA KONSEPTUAL & METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	55
3.1	Kerangka Konseptual	56
3.2	Kerangka Metodologi Kajian	59
3.2.1	Peringkat Pertama (KajianLiteratur)	59
3.2.2	Peringkat Kedua (Persampelan/Pengumpulan Data)	60
3.2.3	Peringkat Ketiga (AnalisisKajian)	61
3.2.4	Peringkat Keempat (Rumusan)	61

3.3	Metodologi Kajian	
3.3.1	Pembinaan <i>Personal Geodatabase</i>	63
3.3.2	Perisian dan Perkakasan	60
3.3.3	Pengumpulan dan Penyediaan Data Spatial dan Atribut	66
3.4	Kaedah Pengiraan Indeks Kepelbagaian Shannon	70
3.5	Kaedah Penghubungan Pangkalan Data dengan Gis	73
3.6	Penyuntingan Data Spatial	74
3.7	Kesimpulan	77

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	78
4.1	Analisis Kepelbagaian Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi	79
4.1.1	Kepelbagaian Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Bagi Akhbar <i>Berita Harian</i>	92
4.1.2	Kepelbagaian Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Bagi Akhbar <i>Berita Harian</i>	106
4.2	Kesimpulan	123

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 1.0	Jenis / Kategori Berita	10
Jadual 1.1	Senarai Daerah Mengikut Negeri	14
Jadual 3.0	Kaedah Analisis Kepelbagaian Shannon	71
Jadual 4.0	Kepelbagaian Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi <i>Berita Harian</i>	80
Jadual 4.1	Kepelbagaian Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi <i>Sinar Harian</i>	81
Jadual 4.2	Jumlah Berita Mengikut Kategori bagi Akhbar Berita Harian dan Sinar Harian dari 1 November hingga 7 November 2014	83
Jadual 4.3	Indeks Kepelbagaian bagi Akhbar <i>Berita Harian</i> Pada 1 November hingga 7 November 2014	85
Jadual 4.4	Indeks Kepelbagaian bagi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 1 November hingga 7 November 2014	88
Jadual 4.5	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Berita Harian</i> pada 1 November 2014	92
Jadual 4.6	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Berita Harian</i> pada 2 November 2014	94
Jadual 4.7	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Berita Harian</i> pada 3 November 2014	96
Jadual 4.8	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Berita Harian</i> pada 4 November 2014	98
Jadual 4.9	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Berita Harian</i> pada 5 November 2014	102
Jadual 4.10	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Berita Harian</i> pada 6 November 2014	105
Jadual 4.11	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Berita Harian</i> pada 7 November 2014	104

Jadual 4.12	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 1 November 2014	106
Jadual 4.13	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 2 November 2014	108
Jadual 4.14	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 3 November 2014	110
Jadual 4.15	Liputan Berita Mengikut Kategori Dan Lokasi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 4 November 2014	111
Jadual 4.16	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 5 November 2014	114
Jadual 4.17	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 6 November 2014	116
Jadual 4.18	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi Akhbar <i>Sinar Harian</i> pada 7 November 2014	118

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 1.0	Peta Kawasan Kajian	13
Rajah 2.0	Logo Akhbar Berita Harian	30
Rajah 2.1	Paparan Muka Hadapan Akhbar Berita Harian.	31
Rajah 2.2	Logo Akhbar Sinar Harian	33
Rajah 2.3	Paparan Muka Hadapan Akhbar Sinar Harian	34
Rajah 3.0	Kerangka Konseptual	56
Rajah 3.1	Carta Alir Kerangka Metodologi Kajian	62
Rajah 3.2	Paparan dalam <i>Personal Geodatabase</i>	64
Rajah 3.3	Jenama Produk dan Versi Perisian serta Paparan dalam Perisian	65
Rajah 3.4	Paparan Proses Memasukkan Koordinat dan Pendigitan yang dilakukan Melalui Perisian Arcgis 10.1	67
Rajah 3.5	Paparan Perisian Microsoft Excel	68
Rajah 3.6	Paparan Data Atribut	69
Rajah 3.7	Paparan Data bagi Pengiraan Indeks Kepelbagaian Shannon	72
Rajah 3.8	Paparan Data Indeks Kepelbagaian Shannon dalam <i>Atribut Table</i>	72
Rajah 3.9	Paparan Proses Menambah XY Data.	73
Rajah 3.10	Proses <i>Layout View</i> Peta Kajian	76
Rajah 4.0	Kepelbagaian Kesamarataan Shannon bagi <i>Berita Harian</i>	87
Rajah 4.1	Kepelbagaian Kesamarataan Shannon bagi <i>Sinar Harian</i>	91

Rajah 4.2	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Berita Harian pada 1 November 2014	93
Rajah 4.3	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Berita Harian pada 2 November 2014	95
Rajah 4.4	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Berita Harian pada 3 November 2014	97
Rajah 4.5	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Berita Harian pada 4 November 2014	99
Rajah 4.6	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Berita Harian pada 5 November 2014	101
Rajah 4.7	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Berita Harian pada 6 November 2014	103
Rajah 4.8	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Berita Harian pada 7 November 2014	105
Rajah 4.9	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Sinar Harian pada 1 November 2014	107
Rajah 4.10	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Sinar Harian pada 2 November 2014	109
Rajah 4.11	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Sinar Harian pada 3 November 2014	114
Rajah 4.12	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Sinar Harian pada 4 November 2014	113
Rajah 4.13	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Sinar Harian pada 5 November 2014	115

Rajah 4.14	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Sinar Harian pada 1 November 2014	117
Rajah 4.15	Liputan Berita Mengikut Kategori dan Lokasi bagi Akhbar Sinar Harian pada 1 November 2014	119

ANALISIS KEPELBAGAIAN JENIS LIPUTAN BERITA BAGI BERITA HARIAN DAN SINAR HARIAN

Abstrak

Berita adalah laporan sesuatu kejadian atau peristiwa, sesuatu fakta ataupun pendapat yang bersifat semasa, menarik dan bermakna kepada para pembaca. Akhbar pula merupakan pengantara utama dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat tentang pelbagai perkembangan yang berlaku setiap hari. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk melihat kepelbagaian jenis liputan berita bagi Berita Harian dan Sinar Harian di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Analisis pemetaan digunakan bagi memudahkan analisis kepelbagaian jenis liputan berita dilakukan. Analisis kepelbagaian iaitu indeks kepelbagaian Shannon digunakan bagi mengukur kepelbagaian jenis liputan bagi Berita Harian dan Sinar Harian. Sinar Harian melaporkan 232 buah berita melibatkan 24 kategori manakala 41 buah berita dilaporkan oleh Berita Harian (14 kategori). Liputan berita paling tinggi adalah di Alor Setar yang mana melibatkan 43 buah berita untuk Sinar Harian dan indeks kepelbagaian Shannon sebanyak 1.106 dengan kesamarataan Shannon adalah 0.782. Kategori berita hubungan sosial dan kemasyarakatan mendapat liputan yang tinggi bagi Berita Harian dan Sinar Harian iaitu 6 buah berita bagi Berita Harian dan 41 buah berita bagi Sinar Harian. Oleh itu, Sinar Harian mempunyai kepelbagaian yang lebih tinggi berbanding Berita harian.

DIVERSITY ANALYSIS OF NEWS COVERAGE FOR BERITA HARIAN AND SINAR HARIAN

Abstract

News is a report of any event or incident, facts or any opinions regarding the nature of current, interesting and meaningful to the readers. Newspaper is the main medium in delivering information to communities about varieties of development each day. This thesis is executed using the application of Geographic Information System (GIS), to investigate the diversity of information coverage in Berita Harian and Sinar Harian, specifically in Perlis, Kedah and Pulau Pinang. Mapping analysis used to investigate the diversity of information coverage in both newspapers. Diversity analysis which refers to Shanno Diversity Index used to measure the diversity on types of news coverage for Berita Harian dan Sinar Harian, which reports to 232 news which involves 24 categories compares to 41 news reported by Berita Harian (14 categories). The highest news coverage is in Alor Setar which involves 43 news for Sinar Harian with Shannon Diversity Index of 1.106 with the Shanon's Equatability of 0.782. News categories on social relations and communities marks as the highest categories for Berita Harian and Sinar Harian, with 6 news for Berita Harian and 41 news for Sinar Harian. Therefore, Sinar Harian has a higher Shannon Diversity Index compares to Berita Harian.

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sejak dahulu lagi media massa telah menyumbang kepada masyarakat dengan menyalurkan pelbagai maklumat. Media massa memainkan pengaruh dan peranan yang tersendiri dalam kalangan masyarakat. Selepas wujudnya teknologi pencetakan, manusia mula menyalurkan idea dan pandangan mereka kepada orang ramai. Akhbar merupakan salah satu komponen media massa yang berpengaruh dalam membantu masyarakat untuk melahirkan dan menyalurkan idea. Akhbar merupakan media cetak yang utama di Malaysia (Jamudin Idris, 1996). Selain itu, akhbar merupakan media tertua yang paling penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Akhbar juga mempunyai ciri yang tersendiri, iaitu bersifat sehalu, dapat digandakan iaitu mampu menyebarkan sesuatu maklumat kepada masyarakat dan mempunyai mesej yang tersendiri. Tambahan lagi, akhbar juga bersifat mengumpul dan membentuk kecenderungan umum terhadap sesetengah isu (Mohd Safar Hasim, 1996).

Surat khabar ataupun akhbar merupakan pengantara utama dalam komunikasi massa dan juga berperanan dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai tentang pelbagai perkembangan yang berlaku setiap hari. Malah media massa ini merupakan sumber utama maklumat bagi kebanyakan orang (Noor Bathi Badaruddin, 2002). Saban hari, akhbar menyiarkan pelbagai peristiwa yang berlaku di sesebuah negara dan semua berita atau maklumat ini menjadikan masyarakat sedar akan semua perkara yang berlaku, sedang, dan bakal terjadi di sesebuah negara.

Sikap berlumba-lumba media cetak untuk mendapatkan maklumat terkini turut menyebabkan masyarakat sering mendapat maklumat lebih awal mengenai sesuatu perkara.

Surat khabar dianggap sebagai pembina informasi yang diterbitkan setiap hari dan bukannya sekadar paparan berita kepada semua anggota masyarakat. Surat khabar memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia. Malahan, dianggap sebagai salah satu bahagian daripada anggota masyarakat, rakyat, negara dan bangsa (A. Samad Ismail, 1989 dalam Mohd Asri bin Mohamad, 200). Peranan akhbar harian masa kini di Malaysia bukan sahaja menyalurkan pelbagai isu yang berlaku dalam negara, malah telah menjangkau sempadan geografi dengan menyiarkan banyak berita luar negara setiap hari. Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis akhbar di pasaran yang menyalurkan maklumat kepada masyarakat dalam pelbagai bahasa, iaitu India, Cina, Melayu dan Inggeris seiring dengan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum. Antara akhbar yang mendapat sambutan dalam kalangan pembaca di Malaysia ialah *Berita Harian*, Utusan Malaysia, Harian Metro, Kosmo, News Strait Times, The Stars dan *Sinar Harian*. Namun, kajian ini hanya berfokus kepada *Berita Harian* dan *Sinar Harian* serta menumpukan di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menjadi kelaziman akhbar-akhbar ini memperuntukkan beberapa halaman khusus untuk berita-berita yang melibatkan pelbagai isu yang berlaku di negeri-negeri tersebut.

Berita adalah laporan sesuatu kejadian atau peristiwa, sesuatu fakta ataupun pendapat yang menarik minat pembaca. Ia bersifat semasa, menarik dan bermakna kepada para pembaca (Izard, et al., 1980). Definisi berita menurut Chmley (1998), ialah merupakan maklumat terbaru untuk pembaca dan sekiranya maklumat itu tidak wujud ia tidak akan dapat menggerakkan masyarakat untuk bertindak atau berfikir. Berita juga adalah suatu laporan ringkas dan tepat mengenai sesuatu perkara. Selain itu, berita juga boleh didefinisikan sebagai satu maklumat baru yang belum diketahui dan ada kesan kepada khalayak (dalam Kajian Bahtiar Mohd et al., 2004)

Menurut MacDouglas (1995) pula, berita merupakan laporan-laporan mengenai sesuatu kejadian dan bukan kejadian itu sendiri. Jelasnya, berita boleh difahami sebagai maklumat yang baru mengenai sesuatu peristiwa yang baru berlaku dan memberi kesan kepada pembaca, penonton atau pendengar serta menarik minat mereka. Sesuatu berita harus menyediakan laporan yang ringkas dan tepat tentang sesuatu perkara. Maklumat terkini yang diperolehi itu merupakan nilai yang diletakkan kepada sesuatu berita tersebut. Berita dikatakan mempunyai nilai, sekurang-kurangnya dilaporkan mempunyai ketetapan waktu, mampu menarik penonton, isi yang kukuh, nyata dan konkrit serta dapat memberikan pengetahuan dan maklumat sebenar kepada penonton. Ringkasnya, berita adalah satu laporan mengenai sesuatu kejadian yang telah berlaku, sedang ataupun akan berlaku di sesuatu tempat dan pada masa yang tertentu dan mengandungi maklumat yang dikumpul, disusun serta dikarang oleh pemberita untuk disampaikan kepada para pembaca (melalui akhbar), para pendengar (melalui radio) atau para penonton (melalui televisyen). Menurut Epstein (1994), berita (iaitu output kewartawanan) berperanan untuk mengiktiraf sesuatu isu mahupun peristiwa. Isu-isu yang mendapat

liputan media akan menjadi wacana dalam kalangan pembaca dan seterusnya akan mengilhamkan pergerakan sosial dalam masyarakat (dalam Kajian Bahtiar Mohd et al., 2004).

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan kepelbagaian jenis liputan berita antara surat khabar *Berita Harian* dan *Sinar Harian*. Melalui liputan ini, pengkaji dapat melihat lokasi yang sering menjadi pilihan para wartawan justeru itu, melihat kepada kepelbagaian jenis berita di sesuatu lokasi itu. Tambahan lagi, pengkaji juga dapat mengenalpasti isu yang disalurkan kepada masyarakat adalah pelbagai atau hanya tertumpu kepada sesuatu isu sahaja. Maklumat yang disampaikan oleh akhbar penting dalam menjana minda masyarakat. Kekerapan sesebuah tempat atau kawasan yang dilaporkan di surat khabar juga boleh berkait dengan pemasaran tempat (*place marketing*). Tambahan lagi, melalui kajian ini dapat dilihat perbezaan taburan jenis berita yang dilaporkan oleh akhbar *Berita Harian* dan *Sinar Harian*.

Pemasaran tempat bukan suatu fenomena baru kerana ia telah muncul sejak 1850-an lagi di Amerika Syarikat iaitu menjalankan aktiviti jualan yang diiklankan secara intensif dalam awal 1900-an, untuk menarik pelancong (Arnold, E. & Kuusisto, J 2000). Akhbar juga merupakan salah satu medium pemasaran tempat bagi liputan berita yang dilaporkan terutamanya bagi kejadian atau isu yang serius sehingga boleh menyebabkan pembaca mengetahui dan mengikuti perkembangan berita di lokasi laporan tersebut seterusnya merujuk kepada tempat atau kawasan tersebut yang dikenali umum.

1.1 Isu dan Permasalahan Kajian

Negara yang mengamalkan sistem demokrasi, menjadikan akhbar sebagai saluran kepada pelbagai pihak untuk menyampaikan maklumat. Justeru itu, rakyat umumnya memerlukan akhbar yang adil dan tidak memihak kepada golongan tertentu sahaja. Tujuan akhbar diterbitkan bukan terhad kepada golongan majoriti yang berkuasa sahaja, sebaliknya akhbar mempunyai tanggungjawab kepada semua lapisan masyarakat. Kewujudan akhbar utama adalah penting bagi membolehkan rakyat mendapat maklumat dan mengetahui situasi semasa yang berlaku di dalam negara dan di luar negara. Penyampaian sesuatu berita yang baik bukan sahaja bergantung kepada fakta yang disajikan tetapi juga kepada aspek lain.

Kini, dalam arus pemodenan yang pesat, terdapat pelbagai maklumat yang perlu disampaikan kepada masyarakat. Informasi yang kurang berkualiti dan tidak mencukupi menyebabkan masyarakat akan terus mundur dan tidak dapat menikmati peluang-peluang yang lebih baik dalam bidang ekonomi misalnya serta tidak mendapat sebarang manfaat dari kemajuan teknologi dan sains. Berita yang dilaporkan seharusnya secara menyeluruh di mana semua kategori haruslah di laporkan. Kebanyakannya wartawan memilih berita yang memberi impak kepada pembaca untuk membaca akhbar tersebut dengan melaporkan kejadian yang serius, sensasi dan hangat diperkatakan oleh masyarakat dalam kategori seperti politik, sukan, kemalangan dan sebagainya. Tambahan lagi, pemilihan berita yang dilaporkan oleh pemberita juga dipengaruhi oleh lokasi kejadian berita tersebut. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas melalui konsep "*Sense of Place*".

Konsep “*Sense of Place*” merujuk kepada perasaan dan emosi yang dibangkitkan oleh tempat, hasil daripada pengalaman kedua-dua individu (wartawan dan pembaca) yang dipupuk melalui penggunaan gambar, maklumat dan idea-idea. (April Lindgren, 2011). Konsep ini menjelaskan bagaimana wartawan melaporkan berita itu berdasarkan sesuatu tempat itu. Kepelbagaian jenis liputan berita yang dilaporkan dalam akhbar menyebabkan masyarakat mendapat lebih informasi terhadap sesuatu kawasan. Oleh yang demikian, kajian ini berminat untuk melihat sejauh mana kepelbagaian liputan berita bagi *Berita Harian* dan *Sinar Harian* dalam menyampaikan informasi kepada pembacanya mengikut lokasi dan kategori berita yang terlibat.

1.2 Objektif Kajian

Perkara utama yang ingin dicapai dalam sesuatu kajian penyelidikan yang dilaksanakan ialah objektif kajian. Terdapat beberapa objektif utama dalam kajian ini. Objektif ini ditetapkan bagi melihat perbandingan antara dua akhbar iaitu *Berita Harian* dan *Sinar Harian*. Antaranya ialah,

1. Meneliti jenis liputan berita yang dilaporkan bagi akhbar *Berita Harian* dan *Sinar Harian*
2. Mengkaji kekerapan lokasi kejadian mengikut liputan berita yang dilaporkan akhbar *Berita Harian* dan *Sinar Harian*
3. Menilai kepelbagaian jenis berita mengikut lokasi kejadian dan kategori berita bagi kedua-dua akhbar

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian telah dibentuk bagi mencapai objektif kajian yang disenaraikan di atas iaitu:

1. Apakah jenis liputan berita yang ditawarkan dalam *Berita Harian* dan *Sinar Harian*?
2. Sejauhmanakah kepelbagaian lokasi dan jenis berita yang dilaporkan bagi kedua-dua akhbar?
3. Sejauhmanakah lokasi mempengaruhi kekerapan/kepelbagaian berita bagi kedua-dua akhbar?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini mempunyai beberapa kepentingan yang tersendiri. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini data yang diperolehi dapat melihat jenis liputan berita yang dilaporkan. Berdasarkan analisis kepelbagaian jenis liputan berita yang dilakukan, para wartawan dapat mengehadkan jenis berita yang terlampau banyak dilaporkan bagi mengelakkan kualiti berita itu menurun. Melalui kajian ini wartawan dapat meningkatkan kualiti berita yang ingin disalurkan kepada masyarakat dengan melaporkan berita secara sama rata bagi semua jenis berita. Maklumat yang disalurkan juga seharusnya benar, tepat dan telus bukannya sekadar ingin mengaut keuntungan. Selain itu, melalui kajian ini juga dapat dilihat kekerapan lokasi yang dilaporkan. Kekerapan sesebuah tempat atau kawasan dilaporkan di dalam surat khabar juga boleh berkait dengan pemasaran tempat (*place marketing*). Hal ini

kerana akhbar juga merupakan salah satu medium pemasaran tempat melalui liputan berita yang disiarkan setiap hari.

Kajian ini juga penting bagi melihat jenis liputan berita-berita yang disiarkan sepanjang tempoh kajian yang dijalankan di kawasan kajian tersebut seimbang atau tidak. Liputan ruang berita tentang sesuatu tempat atau kawasan akan mempengaruhi pemasaran tempat yang dijalankan kekurangan liputan berita terutamanya di kawasan pedalaman khususnya menyebabkan kawasan tersebut terpinggir dan tidak diketahui umum. Di samping itu juga, kajian yang dilakukan ini sangat penting bagi melihat unsur-unsur berat sebelah atau 'bias' dalam kalangan wartawan yang membuat liputan berita.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian yang terlibat dalam kajian ini merangkumi had penyelidikan yang akan dilakukan seperti berikut :

1.5.1 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah berdasarkan liputan *Berita Harian* oleh *Berita Harian* dan *Sinar Harian* edisi utara sahaja. Kedua-dua akbar berkenaan merupakan sumber utama bagi kajian ini. Akhbar-akhbar ini dipilih kerana edarannya merupakan yang tertinggi di Malaysia. Hasil daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan dengan akhbar-akhbar lain. Hal ini demikian kerana, setiap akhbar mempunyai ciri-ciri tersendiri. Kajian ini menumpukan perhatian terhadap taburan kandungan maklumat yang dilaporkan dari segi kepelbagaian jenis berita dan lokasi. Kategori jenis berita telah ditetapkan bagi memudahkan pengkaji mengelaskan setiap berita. Jadual 1.0 menunjukkan kategori yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Berita yang dilaporkan setiap hari melalui akhbar *Berita Harian* dan *Sinar Harian* akan dikategorikan mengikut kategori tersebut.

Jadual 1.0 : Jenis / Kategori Berita

Jenis Berita / Kategori	Singkatan
Alam Sekitar	AS
Autobiografi	AU
Bencana Alam dan Manusia	BA
Budaya	BU
Buruh/ Hubungan Industri	BH
Cuaca	CU
Ekonomi	EK
Hubungan Sosial dan Kemasyarakatan	HS
Jenayah	JE
Keagamaan	KA
Kemalangan	KM
Keselamatan Dalam Negeri	KN
Kesihatan dan Perkhidmatan Sosial	KP
Ketenteraan	KT
Komunikasi	KO
Pembangunan	PM
Pendidikan	PN
Pengangkutan	PG
Perniagaan	PR
Politik Antarabangsa	PA
Politik Tempatan	PT
Pelancongan	PL
Sains dan Teknologi	ST
Sejarah	SJ
Sukan	SU
Upacara dan Kebesaran	UK

Nota :Singkatan akan digunakan dalam bab seterusnya.


(Sumber : Lindgren, A. 2011)

1.5.2 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang terpilih bagi kajian ini adalah negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Ketiga-tiga negeri ini terletak di bahagian Utara Semenanjung Malaysia. Hal ini bertepatan dengan akhbar yang dipilih iaitu akhbar edisi utara sahaja. Lokasi kejadian yang dilaporkan dalam akhbar hanya akan diambil kira berdasarkan tiga buah negeri ini sahaja. Oleh itu, berita yang terjadi di tiga buah negeri ini akan diambil kira sebagai data dalam kajian ini.

Negeri Perlis Indera Kayangan merupakan negeri yang terkecil di Malaysia yang lokasinya terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Provinsi Satun dan Songkhla, Thailand di sebelah utara, dan Kedah di sebelah selatan. Negeri Kedah atau juga dikenali sebagai Kedah Darul Aman merupakan salah satu daripada 13 negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia). Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia dan memiliki keluasan 9,425 km² (Rajah 2.2). Tanah besar mempunyai rupa bumi yang agak rata, yang sesuai digunakan untuk penanaman padi. Kedah bersempadan dengan negeri Perlis dan bersempadan antarabangsa dengan Provinsi Songkhla dan Yala di wilayah Thailand di bahagian utara. Ia juga bersempadan dengan negeri Perak di selatan dan Pulau Pinang ke arah barat daya.

Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang terletak di pantai barat laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini terbahagi kepada dua bahagian oleh Selat Melaka. Negeri ini merupakan petempatan British yang pertama di Semenanjung Malaysia. Pulau Pinang adalah salah satu daripada 13 buah negeri-negeri di Malaysia. Ia terletak berhampiran dengan persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Dipisahkan diantara Negeri Kedah di sebelah Utara dan Timur, Negeri Perak di sebelah Selatan dan Perairan Selat Melaka dan Sumatera (Indonesia) di sebelah Barat. Pulau Pinang terdiri daripada satu bahagian pulau dan juga tanah besar yang dikenali sebagai Seberang Perai. Keluasan kawasan pulau adalah sebanyak 285 km² yang terpisah sepenuhnya daripada Seberang Perai. Kedua-dua bahagian dihubungkan dengan perkhidmatan feri dan Jambatan Pulau Pinang yang panjangnya sebanyak 13.5 km. Setiap negeri mempunyai daerah dan mukim yang tersendiri. Jadual 1.1 menunjukkan daerah yang terdapat di setiap negeri . Namun begitu, negeri Perlis tidak mempunyai daerah. Manakala Rajah 1.0 menunjukkan peta lokasi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).



Rajah 1.0 : Peta Kawasan Kajian

Jadual 1.1 : Senarai Daerah Mengikut Negeri

Negeri	Daerah
Perlis	*Terdiri daripada tiga jajahan iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar
Kedah	Alor Setar
	Sungai Petani
	Kulim
	Bandar Baharu
	Pendang
	Yan
	Padang Terap
	Kubang Pasu
	Baling
	Sik
	Langkawi
	Barat Daya Pulau Pinang
Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan
	Seberang Perai Tengah
	Seberang Perai Utara
	Timur Laut Pulau Pinang

1.6 Organisasi Penulisan tesis

Secara keseluruhan, penulisan tesis ini akan mempunyai enam bab yang disusun mengikut urutan kajian. Bab pertama merupakan pengenalan kepada kajian. Bab ini membincangkan aspek permasalahan kajian, matlamat dan objektif kajian, skop yang akan membataskan kajian ini, serta sumbangan kajian ini dari segi akademik dan juga kepada pihak berkenaan.

Bab kedua melibatkan penulisan yang berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu bagi kajian yang hampir sama dengan kajian yang akan dilakukan. Kajian ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang taburan maklumat yang disampaikan oleh kedua-dua akhbar, seterusnya memberi panduan ke arah pembentukan analisis ruangan. Melalui bab ini, pengkaji dapat memahami lebih mendalam tentang perkara yang berkaitan dengan kajian.

Bab ketiga pula membincangkan kerangka konseptual dan metodologi kajian yang akan memberi panduan kepada penulis untuk melaksanakan kajian ini. Berdasarkan kerangka konseptual, kajian dapat dijalankan dengan lancar tanpa menghadapi masalah. Selain itu, bab ini terdiri daripada semua peringkat dalam kajian ini iaitu daripada perolehan data sehingga data tersebut dapat memberikan hasil atau output yang diperlukan dalam kajian ini.

Bab keempat pula membincangkan dapatan kajian dan proses pembentukan pangkalan data GIS dan seterusnya kaedah analisis data bagi menjana data-data ruangan yang diperlukan untuk pembentukan model ruangan. Bagi memaparkan hasil dan analisa yang diperolehi dengan lebih berkesan, maka hasil kajian ditunjukkan dalam bentuk jadual dan rajah. Bab kelima pula membincangkan hasil kajian yang diperolehi.

Bab keenam tesis ini pula merupakan bahagian rumusan dan cadangan penyelidikan pada masa hadapan. Rumusan kajian akan membincangkan penemuan-penemuan kajian dan sumbangan daripada kajian. Cadangan penyelidikan akan membincangkan batasan atau masalah yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian dan seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan serta topik-topik yang boleh dikaji oleh pengkaji yang akan datang khususnya dalam aspek penggunaan GIS dalam bidang kewartawanan.

1.7 Kesimpulan

Bab 1 telah membincangkan i. pengenalan, ii. isu dan permasalahan kajian, iii. objektif kajian, iv. persoalan kajian, v. kepentingan kajian, vi. skop kajian, vii. batasan kajian, viii. kawasan kajian, ix. organisasi penulisan tesis dan x. Kesimpulan. Pembahagian yang sistematik ini dilakukan agar kajian ini lebih teratur dan sistematik. Rumusannya, Bab 1 merupakan pengenalan awal kepada kajian ini dan merupakan garis panduan kepada pengkaji bagi menentukan hala tuju kajian ini dan agar tidak terpesong daripada landasan asal. Hal ini demikian kerana, perancangan yang teliti dan sistematik membawa kepada hasil kajian yang berkualiti.

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan menerangkan tentang penemuan kajian-kajian lepas yang lebih dikenali sebagai sorotan karya ataupun tinjauan literatur. Tinjauan literatur merujuk kepada pengkajian hasil karya yang pernah dilakukan oleh ahli-ahli akademik yang berpandukan kepada bahan-bahan bercetak seperti buku, jurnal, tesis, dan surat khabar serta melalui media elektronik dalam laman-laman web dalam internet. Tinjauan literatur amat penting kerana ia dapat memberikan idea dan hala tuju mengenai kajian yang akan dilakukan. Menurut Samsudin Wahab (2005), sorotan literatur perlu membawa kepada hasil penyelidikan terkini dan sumber catatan yang merangkumi buku, jurnal, majalah ataupun laporan penyelidikan dan bahan terkini daripada internet. Bahan yang dipetik harus bersesuaian dengan tajuk kajian, objektif dan kaedah ataupun protokol penyelidikan dan asas teori atau pendekatan yang akan diguna pakai.

2.1 Akhbar

2.1.1 Definisi Akhbar

Media merupakan saluran untuk menyampaikan mesej dan maklumat. Terdapat beberapa kategori media iaitu media elektronik, media massa, media digital, multimedia dan juga media cetak. Media massa merupakan satu bentuk penyebaran am yang mempunyai atau menyiarkan maklumat melalui media cetak dan elektronik kepada orang ramai. Media cetak lazimnya, melibatkan proses dalam menghasilkan teks dan imej yang menggunakan dakwat di atas kertas. Terdapat pelbagai kategori media cetak seperti majalah, buku rujukan, buku cerita, buku teks dan juga surat khabar. Menurut Coakley, J. (2005), kandungan media yang dipaparkan melalui imej dan mesej, membolehkan individu menilai peristiwa-peristiwa sosial yang berlaku dan menilai pandangan masa depan mereka. Justeru, media berjaya memerangkap (*frame*) dan mempengaruhi idea individu berkaitan dunia melalui paparan kandungan medianya. Beliau juga menjelaskan bahawa kandungan media seperti sukan adalah saling berkaitan dalam masyarakat.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mendefinisikan akhbar atau surat khabar sebagai warta. Persuratkhabaran dapat difahami sebagai agensi yang menghasilkan berita untuk disebarkan kepada khalayak. Kini, dalam kalangan masyarakat yang pesat membangun, akhbar menduduki tempat yang paling penting, khususnya sebagai media pemberitahuan tentang apa-apa yang berlaku di mana-mana sahaja (Awang Sariyan, 1981). Berdasarkan bahasa Belanda pula, akhbar disebut 'krant', 'dag brief' atau *nieuwspapier*. 'Krant' bermakna akhbar, 'dag brief' bermakna *Berita Harian* dan '*nieuwspapier*' pula bermakna akhbar. Melalui ketiga-

tiga istilah tersebut, ungkapan yang paling dekat dengan budaya masyarakat ketika itu ialah 'krant'. Istilah tersebut digunakan apabila masyarakat terdedah kepada al-Quran yang menjadi bacaan asas orang Islam. Seterusnya, bagi memudahkan ingatan dan lidah sebutan masyarakat tempatan, maka istilah 'krant' berubah variasi kepada koran dan inilah yang berlaku apabila warga Belanda menyebut akhbar kepada warga tempatan (Awang Azman Awang Pawi,2012).

Selain itu, akhbar merupakan alat yang mengandungi penyiaran fikiran, gagasan ataupun berita dalam bentuk tulisan. Namun begitu, dalam konteks umumnya akhbar ialah suatu bentuk media massa yang memancarkan fikiran dan perasaan seseorang baik dalam bentuk tulisan mahupun dalam bentuk lisan. Tambahan lagi, akhbar berperanan sebagai alat untuk menyampaikan berita atau maklumat kepada masyarakat pembaca dengan memuatkan buah fikiran, pandangan atau pendapat orang ramai atau individu. Akhbar merupakan sumber maklumat harian termurah dan terpenting dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, akhbar seharusnya berupaya mempengaruhi sasarannya supaya bertindak selaras dengan hasrat yang mahu dicapai. Jelaslah di sini bahawa pihak akhbar perlu mempunyai segala kekuatan dalam membentuk ketajaman minda golongan sasaran dalam usaha menyampaikan maklumat yang tepat.

Disamping itu, akhbar sentiasa mempunyai konotasi dengan ruang. Sebahagiannya kerana pemahaman tentang dalam hubungan dengan awam. Proses menghasilkan berita menjadikan akhbar terikat kepada pengguna dan pasaran interaksi antara pengeluar dan pengguna berita. Peruntukkan sumber akhbar-akhbar akan menentukan peristiwa-peristiwa yang dikesan dan dilaporkan. Nilai sesebuah berita akan menentukan penilaian berita yang dikaitkan dengan pembaca akhbar. Tempat-tempat yang termasuk di dalam berita adalah sebahagian daripada ruang maklumat yang menyumbang kepada peta kognitif pembaca.

Seterusnya, akhbar adalah sesuatu yang dicetak bertujuan untuk memberitahu dan menyampaikan berita atau informasi terkini dari semasa ke semasa dalam fakta tertentu. Kebanyakan akhbar dikeluarkan pada setiap hari seperti *Kosmo*, *Berita Harian*, *Utusan Harian*, *Metro*, *News Straits Times*, *The Star* dan banyak lagi. Setiap akhbar mempunyai kandungan dari segi fakta yang berbeza-beza tetapi semuanya mempunyai kombinasi susunan yang sama iaitu berita. Antara ciri penting dalam laras akhbar ialah penggunaan perkataan baharu oleh wartawan atau editor akhbar dari semasa ke semasa dalam berita, laporan atau tulisan mereka. Kebiasaannya, pihak akhbar bertindak pantas menjejaki dan melaporkan sebarang perkembangan baharu yang berlaku dalam masyarakat yang merangkumi pelbagai kategori dan bidang seperti ekonomi, politik tempatan, sukan, hubungan sosial dan masyarakat, kemalangan, jenayah, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan sebagainya (S.Nathesan, 2011).

2.1.2 Fungsi Akhbar

Menurut Beckert (1982) dalam kajian Asma Yusoff (2003), fungsi utama sebuah surat khabar, adalah untuk memberitahu pembaca tentang perkara-perkara yang berlaku di dunia dan dalam kalangan masyarakat mereka, surat khabar mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat umum melalui pemilihan bahan dan komentar tentang sesuatu kejadian serta menghiburkan pembaca melalui cerita-cerita dan rencana-rencana yang menarik dan sebagai ruang kepada peniaga tempatan untuk mengiklankan dan mempromosikan barangan serta perkhidmatan mereka kepada masyarakat.

Disamping itu, fungsi akhbar adalah sebagai alat penyampai maklumat kepada masyarakat. Berdasarkan konteks ini, maklumat yang disampaikan berkaitan dengan dasar kerajaan dan ilmu pengetahuan bagi membolehkan masyarakat membuat keputusan dan bertindak seperti yang diinginkan. Semenjak kemerdekaan lagi, dasar-dasar pembangunan negara telah mendapat perhatian daripada akhbar-akhbar (Jamudin Idris, 1996). Wringht, C.R. (1975) pula, menganggap akhbar ini bukan lagi sekadar pernyataan biasa tetapi fungsi akhbar sebagai pemerhati cukup teguh. Situasi ini menimbulkan kesedaran bahawa kebenaran dan ketepatan berita merupakan matlamat utama bidang kewartawanan yang menjalankan fungsi sebagai tanggungjawab sosial.

Kajian oleh Holmberg, M.O. dan Foote, K.E. (2005), menyatakan bahawa surat khabar kekal sebagai pembekal utama maklumat. Terutamanya sebagai peta kepada orang ramai. Perubahan dalam cara mempersembahkan peta dalam akhbar-akhbar dalam talian boleh memberi kesan ke atas kefahaman umum mengenai berita. Menurut Malcolm M. Willey (dalam Bolivar, A, 1986), seorang tokoh yang berwibawa dalam bidang kewartawanan menggariskan fungsi akhbar seperti berikut:

- Fungsi berita
- Fungsi editorial
- Fungsi latar belakang
- Fungsi hiburan
- Fungsi iklan
- Fungsi ensiklopedia

Menurut beliau, fungsi berita merupakan fungsi yang paling penting berbanding fungsi lain dalam akhbar. Namun begitu, fungsi editorial (rencana pengarang) juga tidak kurang pentingnya dalam menyampaikan maklumat atau pendapat. Hal ini demikian kerana, aspek yang selalu dibincangkan dalam ruangan ini adalah aspek yang berhubung dengan isu semasa. Pandangan dan kritikan pemilik akhbar ini akan dimasukkan di dalam ruangan ini.

‘Editorial’ atau dikenali juga sebagai lidah pengarang atau rencana pengarang merupakan suara rasmi atau pendirian organisasi akhbar berkenaan. Ruangan editorial adalah pandangan ketua pengarang, pengarang atau wartawan kanan sesebuah akhbar. Wacana rencana pengarang merupakan suara akhbar yang ditulis berdasarkan berita dan menggambarkan buah fikiran, ulasan atau teguran. Teks rencana pengarang seharusnya menarik minat pembaca dengan tujuan memberi maklumat dan penerangan kepada mereka. Wacana rencana pengarang yang dihasilkan harus mempunyai unsur linguistik, iaitu pertautan atau perkaitan semantik yang meliputi aspek kohesi dan koheren. Rencana pengarang yang kohesif ialah rencana yang mempunyai perkaitan semantik melalui penggunaan sarana kohesi yang betul, sesuai dan tepat.

2.1.3 Sejarah dan Perkembangan Akhbar di Malaysia

Sebanyak 153 buah akhbar dan majalah telah diterbitkan sepanjang tempoh 1896 hingga 1940 namun, hanya 147 buah daripadanya adalah dalam bahasa Melayu. Kini, terdapat 53 buah akhbar di Malaysia di mana, 36 buah akhbar telah diterbitkan di Semenanjung Malaysia manakala 16 buah lagi diterbitkan di Sabah dan Sarawak. Berdasarkan jumlah akhbar tersebut, sebanyak 16 buah akhbar adalah berbahasa Inggeris, 13 buah akhbar pula menggunakan bahasa Melayu dan 17 buah akhbar menggunakan bahasa Cina, 3 buah akhbar Tamil dan sebuah akhbar berbahasa Jepun.

Terdapat dua jenis akhbar iaitu tabloid dan broadsheet. Tabloid merupakan surat khabar yang mempunyai ukuran setengah daripada surat khabar biasa yang besar manakala, broadsheet pula merupakan surat khabar yang dicetak pada sehelai

kertas besar. Kini, kebanyakan akhbar telah beralih kepada jenis 'tabloid' seperti yang dilakukan oleh NST dan *Berita Harian* kerana lebih mudah dibaca dan lebih dinamik. Selain itu, akhbar boleh diklasifikasikan sebagai akhbar harian, akhbar mingguan (Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Kosmo Ahad, Metro Ahad, The Sunday Star dan The Sunday Sun), akhbar siasah (Harakah, Suara Keadilan, Buletin Rakyat, Era Baru, Watan dan I Luv Islam) dan akhbar perniagaan dan ekonomi (Mingguan Editor) serta akhbar kewangan dan pelaburan (The Edge) (Noor Asmah Binti Md Taib et al., 2013).

Sejak sekian lamanya, akhbar telah berkembang sebagai medium yang menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Akhbar begitu berpengaruh dan mempunyai peranannya sendiri dalam kalangan masyarakat melalui politik, ekonomi, gaya hidup, dan sebagainya. Memandangkan akhbar mempunyai ciri-ciri media massa, maka kajian terhadap media tertua ini menjadi agak popular dalam kalangan pengkaji komunikasi. Antara ciri-ciri yang terdapat pada akhbar adalah seperti bersifat sehalu, komunikasi yang berinstitusi, dapat digandakan iaitu mampu menyebarkan sesuatu maklumat kepada khalayak yang banyak dan mempunyai mesej-mesejnya yang tersendiri.

Dunia penerbitan akhbar di Malaysia bermula pada abad ke-19. Ketika itu, akhbar menjadi saluran melahirkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan masyarakat serta menyeru orang Melayu bersatu. Selain itu, akhbar menyalurkan ideologi-ideologi seperti yang dilakukan oleh Kaum Muda melalui akhbar seperti Al-Imam, Neracha dan Pengasuh serta Kaum Tua melalui akhbar Suara Benar. Disamping itu, akhbar Melayu sering menyuarakan isu sosial serta kedudukan